



Rujukan Kami : PMSRWK.100-1/3/1 ( 5 )

Tarikh: 31 Mac 2021

17 Syaaban 1442H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

YB Datuk Amar/Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan,

## SURAT PEKELILING

### PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 3 TAHUN 2021

#### PEMUKTAMADAN TENDER PERSEKUTUAN BAGI PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM30 JUTA YANG DIBUKA DI PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK

Sukacita saya dengan hormatnya menarik perhatian YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan sebagaimana YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) merupakan urusetia kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak (LPPS).

2. Selaras dengan surat arahan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) rujukan MOF.BPK(S) 600-14/7/5 Jld. 2 (15) bertarikh 22 Mac 2021 yang telah memutuskan bahawa **semua tender Kerajaan Persekutuan di Sarawak bagi perolehan bekalan, perkhidmatan bukan perunding, kerja dan perkhidmatan perunding bernilai sehingga RM30 juta DIWAJIBKAN dibuka di PMS dan dibawa untuk dipertimbangkan di LPPS.** Keputusan ini berkuatkuasa serta-merta sehingga 31 Disember 2022.

3. Sehubungan dengan itu, bagi mematuhi arahan tersebut, pihak YB Datuk Amar/Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan yang melaksanakan perolehan berkaitan sama ada melalui Sistem ePerolehan (bekalan/ perkhidmatan bukan perunding) atau secara manual (kerja/ perkhidmatan perunding), WAJIB memaklumkan kepada PMS melalui surat/ emel rasmi yang disertakan bersama dengan iklan tender jabatan/ agensi bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan urusetia LPPS.

4. Untuk penjelasan lanjut berkaitan proses pelaksanaan tender berkaitan, pihak YB Datuk Amar/Datuk/Datu/ Dato'/Dr./Tuan/Puan bolehlah merujuk Surat Pekeliling PMS Bil. 1/2021 yang boleh didapati di laman rasmi PMS; [www.pmsarawak.gov.my](http://www.pmsarawak.gov.my). Surat Pekeliling ini dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bilangan 1 Tahun 2021 hendaklah **DIBACA BERSEKALI**. Walau bagaimanapun, perkara di perenggan 6 di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bilangan 1 Tahun 2021 adalah **DIGUGURKAN**.


5. Kerjasama dari semua Jabatan/Agensi diharap dapat mematuhi arahan ini dan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau masalah, pihak YB Datuk Amar/Datuk/Datu/Dato'/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi terus PMS seperti di alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333 dan emel:-

- (i) Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi – Sambungan 500  
Emel: [arfahiza.junaidi@treasury.gov.my](mailto:arfahiza.junaidi@treasury.gov.my)
- (ii) Puan Sharifah Nur Salikin Binti Wan Habib Sabli – Sambungan 502  
Emel: [salikin.sabli@treasury.gov.my](mailto:salikin.sabli@treasury.gov.my)
- (iii) Seksyen Perolehan – Sambungan 501

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia